



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832539
Faks : 03-88833817

Ruj. Kami: KKM.500-8/2/72 Jld. 7 (28)

Tarikh: 22 Julai 2021

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Tuan / Puan,

**PERLUASAN TAKRIFAN ANGGOTA BARISAN HADAPAN BAGI
MAKSUD SUMBANGAN ELAUN KE DALAM AKAUN AMANAH
BENCANA SEBAGAI TANDA KEBERSAMAAN PENJAWAT AWAM
DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' Indera /
Dato' / tuan / puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sepertimana penjelasan Ketua Setiausaha Negara pada 1 Jun 2021, penjawat awam lantikan tetap dan kontrak akan menyumbang sebahagian daripada elaun yang diterima ke dalam Akaun Amanah Bencana. Sumbangan tersebut merupakan terjemahan semangat solidariti dan kebersamaan penjawat awam dalam situasi negara menghadapi pandemik COVID-19 dan dibuat melalui pemotongan sebahagian daripada Imbuan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA).
3. Pelaksanaan ini telah **dikecualikan** kepada anggota barisan hadapan iaitu petugas kesihatan dan bukan kesihatan yang terlibat secara langsung dalam membebandung dan mengawal penularan

pandemik COVID-19 tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan masing-masing.

4. Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Awam menerusi surat edaran; rujukan JPA(S) 63/168/1 Jld. 3(5) bertarikh 29 Jun 2021 menjelaskan pengecualian pemotongan sebahagian daripada imbuhan kepada pegawai yang meninggal dunia di antara 1 Julai 2021 hingga 30 September 2021.

5. Pengurangan elaun ini adalah mengikut kadar dan tempoh seperti berikut:

BIL.	GRED	KADAR SUMBANGAN	TEMPOH
i.	Gred Utama A/ Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Julai, Ogos dan September 2021 (tiga bulan)
ii.	Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima	
iii.	Gred Utama C / Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima	
iv.	Gred 43 – 56 dan setara	5% daripada ITK yang diterima	
v.	Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

6. Selaras dengan pengumuman mengenai pelaksanaan urusan ini, KKM telah mengemukakan permohonan kepada Ketua Setiausaha Negara supaya diperluaskan lagi takrifan anggota barisan hadapan bagi petugas di KKM. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Negara **bersetuju** dengan perluasan takrifan anggota barisan hadapan seperti berikut:

- (a) anggota (kesihatan dan bukan kesihatan) tetap dan kontrak yang **diarah** menjalankan skop tugas dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 dan layak menerima Elaun Khas COVID-19;
- (b) anggota (kesihatan dan bukan kesihatan) tetap dan kontrak yang **diarah** bertugas di Pusat Pemberian Vaksinasi dan layak menerima Elaun Khas PPV;
- (c) anggota KKM (kesihatan dan bukan kesihatan) tetap dan kontrak di Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri, institusi, hospital dan klinik yang **terlibat secara langsung dengan rawatan dan intervensi kesihatan awam** di pejabat, institusi, hospital dan klinik. Anggota ini terdiri:
 - (i) anggota klinikal dan teknikal dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Paramedik dan Aukiliari yang terlibat dalam penjagaan pesakit, pengendalian spesimen pesakit, disinfeksi persekitaran, kawalan kesihatan awam di

lapangan dan/atau berinteraksi secara langsung dengan orang awam. Ini termasuk petugas Bilik Gerakan dan *Crisis Preparedness and Response Center* (CPRC) yang terlibat dengan penyeliaan di lapangan; dan

- (ii) Kumpulan Pelaksana di institusi, hospital dan klinik yang bertugas dan berkomunikasi secara langsung dengan orang awam seperti petugas kaunter dan sebagainya.

7. Selaras dengan kelulusan tersebut, pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / tuan / puan hendaklah memastikan urusan pengecualian pemotongan elaun ini diuruskan secara teratur dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k.:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan
Teknikal)

Fail Timbul

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
KEDAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Jalan Resideni
10450 Georgetown
PULAU PINANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Koo Chong Kong
30000 Ipoh
PERAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10 &11, Wisma Sunway
Lot 1, Jalan Persiaran Kayangan
40100 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
NEGERI SEMBILAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4 dan 5, Wisma Persekutuan
Jalan Business City, Bandar MITC
75450 Ayer Keroh
MELAKA

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4, Blok B, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
JOHOR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
PAHANG

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam
15590 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93090 Petra Jaya, Kuching
SARAWAK

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
SABAH

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
50590 Jalan Cenderasari
KUALA LUMPUR

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 80832
87018 **LABUAN**

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
50586 Jalan Pahang
KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
50580 Jalan Pahang
KUALA LUMPUR

Pengarah
Pusat Darah Negara
50400 Jalan Tun Razak
KUALA LUMPUR

Pengarah
Institut Kanser Negara
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya
W.P. PUTRAJAYA

Pengarah
Kompleks Institut Kesihatan Negara
Jalan Setia Murni U13/52
Seksyen U13, Setia Alam
40170 Shah Alam
SELANGOR